

Penilaian Konsep Sumber Primer di dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu

Mohd Helmi Mohd Sobri

Jabatan Sejarah dan Tamadun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Abstrak

Secara umumnya kita membahagikan sumber sejarah kepada dua iatu, sumber primer dan sekunder. Di dalam pendidikan sejarah di Malaysia pelajar didedahkan tentang kedua-dua sumber ini sejak dari tingkatan satu. Makalah ini membincangkan tentang penjelasan konsep sumber primer di dalam buku teks sejarah tingkatan satu. Penjelasan tersebut, hujahnya, tidak memadai dan boleh diperbaiki. Antara isu yang dibangkitkan adalah berkisar tentang bagaimana penjelasan tersebut cenderung untuk mendefinisikan sumber primer berdasarkan bentuk-bentuk bahan seperti artifak fizikal, manuskrip, akhbar, dan buku, seolah-olah secara hakikinya sifat primer sesuatu bahan itu ditentukan oleh bentuknya. Pendefinisian melalui bentuk-bentuk bahan ini akan menyukarkan pelajar untuk berfikir dengan lebih fleksibel dan historis tentang bahan apakah yang berpotensi menjadi sumber primer dalam sesuatu kajian sejarah kerana bentuk bahan sudah tentunya akan berubah mengikut zaman. Oleh itu bagi mengatasi masalah tersebut, makalah ini menekankan tentang kepentingan menjelaskan konsep sumber primer melalui cirinya yang terpenting dan paling umum iatu sifatnya sebagai sumber yang dihasilkan di dalam zaman atau era sejarah yang dikaji atau dibincangkan. Jika pelajar dapat menguasai konsep sumber primer melalui sifat tersebut mereka akan faham bahawa persoalan bentuk adalah persoalan kedua. Di akhir perbincangan, makalah ini menganjurkan keperluan bagi wacana sejarah di Malaysia untuk mengikuti perbincangan tentang konsep bahan atau sumber sejarah di peringkat antarabangsa terutama berkisar tentang penggunaan konsep jejak/tinggalan (*trace*) sebagai alternatif kepada konsep sumber.

Kata Kunci: Sumber sejarah, sumber primer, buku teks sejarah, metodologi.

Pengenalan

Apabila kita menilai penguasaan pelajar terhadap metodologi sejarah, kita biasanya akan pastikan mereka mempunyai pemahaman yang betul tentang kategori, sifat dan fungsi sumber sejarah. Umum mengetahui bahawa sumber sejarah di bahagikan kepada dua jenis; primer dan sekunder. Pelajar-pelajar di Malaysia mula diperkenalkan kepada dua kategori sumber ini melalui buku teks sejarah tingkatan 1. Penulisan ini membincangkan tentang penjelasan konsep sumber primer di dalam buku teks tersebut. Dihujahkan di sini bahawa penjelasan tersebut tidak memadai dan boleh diperkembangkan. Antara isu yang ingin dibangkitkan adalah berkisar tentang bagaimana penjelasan tersebut cenderung untuk mendefinisikan sumber primer berdasarkan jenis, bentuk atau genre sesuatu bahan seperti

artifak fizikal, manuskrip, akhbar, dan buku; seolah-olah secara hakikinya sifat primer bahan itu ditentukan oleh jenis dan bentuknya. Pendefinisian melalui bentuk-bentuk bahan ini akan menyukarkan pelajar untuk berfikir dengan lebih fleksibel dan historis tentang bahan apakah yang berpotensi menjadi sumber primer dalam sesuatu kajian sejarah kerana pertama, bentuk bahan sudah tentunya akan berubah mengikut zaman; dan kedua kerana bahan dalam apa saja bentuk atau jenis sekalipun berpotensi menjadi sumber primer selagimana ia boleh membantu kita dalam menjawab sesuatu persoalan tentang masa di mana ianya dihasilkan. Oleh itu bagi mengatasi masalah tersebut, makalah ini menekankan tentang kepentingan menjelaskan konsep sumber primer melalui dua cirinya yang terpenting dan umum iatu, pertama, sifatnya sebagai sumber yang dihasilkan di dalam zaman atau era sejarah yang dikaji; dan kedua sebagai bahan yang boleh memberi jawapan kepada sesuatu persoalan yang khusus tentang masa lalu. Di akhir perbincangan, makalah ini menganjurkan keperluan bagi wacana sejarah di Malaysia untuk mengikuti perbahasan tentang konsep bahan atau sumber sejarah di peringkat antarabangsa terutama berkisar tentang penggunaan konsep jejak/tinggalan (*trace*) sebagai alternatif kepada konsep sumber.

Buku teks sejarah tingkatan 1 menjelaskan, sumber primer adalah bahan yang asli, tidak diterbitkan dan belum diolah. Manakala sumber sekunder adalah sumber yang telah ditafsirkan, diterbitkan dan tersebar kepada umum. Penjelasan ini kemudian disokong dengan beberapa contoh. Antara contoh bagi sumber primer adalah, manuskrip, surat, dokumen rasmi kerajaan, manakala akhbar, buku dan risalah adalah sumber sekunder.¹ Penjelasan ini, pada pendapat saya, boleh mengelirukan pelajar kerana tidak cukup komprehensif dan dinamik untuk menanggapi sifat sumber primer yang sebenar. Tambahan lagi ianya tidak selari dengan pandangan umum yang dipegang oleh ahli-ahli metodologi sejarah dan juga tidak konsisten dengan pengamalan di dalam beberapa bidang kajian sejarah.

Adakah semestinya sumber primer adalah bahan yang belum diterbitkan? Adakah sumber primer semestinya bahan yang tidak tersebar kepada umum, belum ditafsirkan dan hanya wujud dalam satu salinan? Apakah yang dimaksudkan sebagai asli sebagai sifat sumber primer? Adakah asli di sini bermaksud sumber tersebut adalah sepenuhnya karya sang penulis? Apakah konsep keaslian sumber yang sepatutnya pelajar kuasai? Berkaitan dengan contoh yang diberikan pula adakah buku atau akhbar semestinya sumber sekunder? Mungkinkah ianya hanya menjadi sumber primer dalam konteks persoalan-persoalan tertentu. Ini antara isu yang akan dibincangkan. Bagaimana penulis-penulis metodologi sejarah mendefinisikan sumber primer? Richard Marius menyatakan, "Primary sources are texts nearest to any subject of investigation".² Manakala Christine L. Chompston pula berpandangan "A Primary source is a firsthand or direct source of information."³ Kedua-dua definisi ini menekankan hubungan langsung atau dekat yang mesti wujud antara sumber primer dan topik sejarah yang hendak dibincangkan. Apakah yang dimaksudkan dengan sifat dekat dan langsung yang dimiliki sumber primer?

¹ Mohd bin Samsudin, Azharuddin bin Mohamed Dali, Sharifah Afidah bt. Syed Hamid, *Sejarah Tingkatan Satu* (Kuala Lumpur: DBP, 2016), 8.

² Richard Marius, *A Short Guide to Writing about History* (New York: Longman, 1999), 14.

³ Christine L. Chompston, *A Teacher's Guide to Using Primary Sources* (New York: Oxford University Press, 2002), 3.

Jelas dalam konteks pengkajian sejarah sifat dekat dan langsung sumber bermaksud bukan sahaja dari segi tempat tetapi yang lebih penting adalah dari segi masa. Ini kerana di dalam penelitian sejarah ada jurang zaman di antara pengkaji dan juga benda atau peristiwa yang dikaji. Maka secara umumnya sumber primer adalah sumber yang sezaman dengan peristiwa atau keadaan yang dikaji; dan ciri ini tidak perlu ada pada sumber sekunder. Oleh itu bagi saya definisi sumber primer yang lebih baik adalah yang menekankan aspek kesemasaan ini. Penekanan ini kita boleh dapati dalam banyak penulisan-penulisan tentang metodologi sejarah. John Tosh, sebagai contoh, menyatakan sumber primer adalah “evidence **contemporary** with the event or thought to which it refers.”⁴ Manakala bagi William K. Story “primary sources originate in the time period that historians are studying.”⁵ Begitu juga dengan Arthur Marwick yang menulis, “Primary sources are sources which were generated within the period being studied.”⁶

Dari definisi-definisi yang diberikan diatas kita dapat membuat kesimpulan bahawa antara ciri utama sumber primer adalah sifatnya yang semasa dengan peristiwa, keadaan, pemikiran dan nilai yang dirujuk atau dicerminkannya. Maksudnya ia adalah bahan dari zaman yang kita kaji atau bincangkan, atau jika tiada, bahan yang paling hampir dengan zaman tersebut. Sebagai contoh jika kita membincangkan peristiwa-peristiwa pada awal 1940an seperti penjajahan Jepun di Tanah Melayu, yang berpotensi menjadi sumber primer adalah apa sahaja material yang dihasilkan sekitar waktu tersebut (1940-1943). Kefahaman tentang sumber primer sebagai sumber sezaman ini juga penting kerana ianya akan membantu kita memahami kenapa bentuk bahan tidak boleh menjadi kriteria di dalam menentukan keprimeran atau kesekunderan sesuatu material.

Memandangkan setiap zaman berbeza dari sudut kemampuan teknologi, nilai-nilai budaya dan tatafikir maka untuk setiap zaman bahan-bahan yang dihasilkan adalah berbeza. Ini menyebabkan bentuk sumber primer itu berbeza dari satu zaman ke satu zaman yang lain. Sebagai contoh jika kita berbicara atau mengkaji sejarah zaman pertengahan Eropah yang berlangsung dari abad ke-6 hingga ke-14 masihi banyak sumber-sumber bertulis wujud dalam bentuk manuskrip. Tetapi selepas mesin cetak digunakan secara meluas sekitar abad ke 17 kebanyakan penulisan tidak lagi kekal di dalam bentuk manuskrip tetapi dicetak. Maka bagi mereka yang hendak mengkaji atau membicarakan keadaan atau peristiwa-peristiwa pada zaman moden awal (abad ke 16 – 18 masihi), dan abad-abad seterusnya boleh menggunakan buku sebagai sumber primer. Begitu juga dengan bahan bercetak yang lain seperti risalah dan akhbar. Banyak risalah-risalah yang dicetak di era moden awal di Eropah atas tujuan propaganda politik dan keagamaan juga berpotensi menjadi sumber primer bagi sejarawan yang mengkaji era tersebut.

Bukan sahaja bentuk bahan yang tertakluk kepada zaman, tetapi juga genre penulisan yang tertentu. Misalnya, walaupun kita biasa menganggap diari sebagai sumber primer, tetapi sebagai genre penulisan era perkembangannya berbeza dari satu masyarakat ke satu

⁴ John Tosh and Seàn Lang, *The Pursuit of History* (Harlow: Pearson Education Limited, 2006), 61.

⁵ William Kelleher Story, *Writing History: a Guide for Students* (New York: Oxford University Press, 2009), 26.

⁶ Arthur Marwick, *The New Nature of History*, (Chicago: Lyceum Books, 2001), 156.

masyarakat yang lain. Jadi mungkin kalau kita mengkaji sejarah sosial Inggeris abad ke 18 diari adalah salah satu sumber primer yang boleh digunakan kerana amalan mencatat aktiviti-aktiviti seharian sudah agak meluas ketika itu; tetapi ianya bukanlah sumber primer kepada pengkaji Sejarah masyarakat Melayu abad ke 18, kerana tidak menjadi amalan orang Melayu ketika itu menulis diari. Bagi pensejarahan Malaysia, mungkin diari mula berpotensi menjadi sumber primer pada pengkajian yang bermula pada sekitar awal abad ke 20 dan ke atas.

Ini menunjukkan bahawa tidak semestinya buku dan risalah, seperti dinyatakan di dalam buku teks tingkatan 1, adalah sumber sekunder. Ada ketika ia boleh menjadi sumber primer. Begitu juga, tidak semestinya sumber primer adalah bahan yang tidak tersebar kepada umum. Apakah sumber primer bagi sejarawan Malaysia yang ingin mengkaji tentang pergerakan kaum muda kalau bukan majalah-majalah yang tersebar seperti *Al-Imam* dan *Al-Ikhwān*. Dan memang menjadi kebiasaan bagi mereka yang menulis tentang sumber sejarah membahagikannya kepada dua sub-kategori, iatu pertama sumber bertulis tangan seperti manuskrip, surat, dan diari dan kedua sumber cetakan. Selain buku, akhbar dan lain-lain cetakan, yang termasuk dalam sub-kategori kedua adalah manuskrip atau surat yang diterbitkan.⁷ Dari sudut pengamalan sejarawan sendiri memang buku, risalah, dan akhbar biasa digunakan dan dianggap sebagai sumber primer. Sebagai contoh, di dalam membincangkan potensi sumber bagi pensejarahan Malaya awal abad ke 20, Leonard dan Barbara Andaya menekankan kepentingan untuk menelaah akhbar-akhbar Melayu dan Cina era tersebut.⁸ Sejarawan pemikiran yang masyhur, Quentin Skinner, menggunakan berbagai buku dan risalah yang dikarang oleh pemikir dan ahli propaganda politik ketika membincangkan sejarah konsep 'liberty' di abad ke 17 dan 18.⁹ Dalam sesetengah sub-disiplin sejarah memang penggunaan bahan bercetak digunakan secara meluas dan diberi keutamaan. Contohnya bidang yang mengkaji sejarah buku, percetakan dan penerbitan.¹⁰

Jadi apakah yang menentukan keprimeran sesuatu material kalau bukan bentuk fizikal atau genrenya? Perlu ditekankan di sini bahawa sifat primer atau sekunder sebenarnya bukanlah sifat mutlak dan intrinsik kepada sesuatu bahan sejarah. Penentuan keprimeran sesuatu sumber adalah relatif dan secara asasnya bergantung dengan persoalan atau isu yang dibincangkan. Sesuatu persoalan yang dibangkitkan akan menentukan sesuatu bahan itu menjadi primer, sekunder atau tidak relevan sama sekali. Ini bermaksud bahan yang dianggap sekunder pada suatu persoalan boleh bertukar menjadi primer pada persoalan yang lain. Jadi apa yang penting juga di dalam perkiraan ini adalah bukan semata-mata sumber tetapi persoalan yang ditanya. Sebab itu kata ahli teori dan metodologi sejarah Jörn Rüsen, adalah menjadi suatu kesilapan bagi pengkaji sejarah untuk menganggap bahawa sesuatu pengkajian

⁷ Anthony Brundage, *Going to Sources: a Guide to Historical Sources and Writing* (West Sussex: Wiley-Blackwell, 2013), 20-21.

⁸ Barbara W. Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia* (London: Macmillan, 1982), 206-207.

⁹ Quentin Skinner, *Liberty before Liberalism* (Cambridge: Cambridge University Press, 1998), 121-125.

¹⁰ David Finkelstein dan Alistair McCleery, *An Introduction to Book History* (Routledge: New York, 2005); Lucien Febvre dan Henri-Jean Martin, *The Coming of the Book: the Impact of Printing 1450-1800* (London: NLB, 1976).

bermula dengan bukti atau sumber sejarah; kerana pemula yang sebenar adalah persoalan yang terdetik di minda.¹¹

Oleh kerana itu sememangnya agak bermasalah jika kita memberi contoh sumber primer semata-mata dengan bahan tanpa mengambil kira dalam konteks persoalan apakah bahan itu digunakan. Ia berkemungkinan akan menyebabkan pelajar menganggap bahawa keprimeran adalah sifat mutlak bahan-bahan yang disebut. Merujuk kepada kekeliruan ini seorang sejarawan yang banyak menulis tentang penggunaan bukti dan sumber di dalam kajian sejarah mengingatkan kita bahawa, "The nature of a source does not derive from the kind of object it is (i.e., a letter versus a textbook), but from the purpose it serves in a historical investigation."¹²

Jadi, kita tidak boleh di hadapan pelajar di dalam kelas mengangkat sebuah buku dan bertanya adakah bahan itu primer atau sekunder tanpa menjelaskan terlebih dahulu dalam konteks persoalan apakah ianya dipakai. Misalnya kalau saya menunjukkan kepada pelajar buku William Roff yang masyhur *The Origin of Malay Nationalism* pertanyaan yang mungkin boleh diajukan adalah, "adakah buku ini sumber primer atau sekunder bagi persoalan tentang gerakan Nasionalisme Melayu pada awal abad ke 20?" Dan kemudian dengan memegang buku yang sama saya boleh mengajukan pertanyaan kedua, "apakah status buku ini sebagai sumber sejarah di dalam konteks persoalan tentang bagaimana sejarah nasionalisme Melayu ditulis di era 1960an?" Di sini pelajar akan dapat melihat yang buku William Roff secara mutlaknya bukanlah sumber sekunder tetapi menjadi sekunder atau primer apabila berkaitan dengan persoalan-persoalan tertentu. Begitu juga dengan konsep bukti. Seperti konsep sumber ianya tidak berdiri sendiri tetapi bergantung kepada apakah yang ingin dibuktikan.

Selain itu pendefinisian sumber primer berdasarkan bentuk bahan juga bermasalah kerana ia tidak mengambil kira kemungkinan sesuatu bahan itu dipersembahkan di dalam bentuk yang berbeza. Sebagai contoh manuskrip, diari dan surat-surat lama boleh disunting, dicetak dan diterbitkan lalu tidak lagi hanya wujud sebagai sebuah manuskrip tetapi sebagai sebuah buku. Contohnya *Sulalatus Salatin* yang disunting oleh A. Samad Ahmad dan diterbitkan semua oleh DBP, dan *Tuhfat Al-Nafis* yang disunting oleh Virginia Matheson. Mungkin isunya di sini masih bolehkah kita menganggap manuskrip-manuskrip yang diterbitkan didalam bentuk buku sebagai sumber primer? Ketika menerangkan tentang konsep sumber primer, laman sesawang Universiti Yale menyatakan "Primary sources are characterized by their content, regardless of whether they are available in original format, in microfilm/microfiche, in digital format, or in published format."¹³

Berdasarkan penjelasan di atas apa yang penting bagi sesuatu sumber adalah isinya dan bukan bentuknya. Walaupun sesuatu sumber berubah bentuk tetapi selagimana isinya kekal ianya masih sumber yang sama. Dari sudut pengamalan juga memang banyak sejarawan tidak

¹¹ Jörn Rüsen, *Evidence and Meaning: A Theory of Historical Studies* (Köln: Berghahn Books, 2017), 130-132.

¹² Keith C. Barton, "Sources in History: Breaking through the Myths", *The Phi Delta Kappan*, 86:10 (Jun., 2005), 750.

¹³ <http://primarysources.yale.edu/>.

langsung berinteraksi dengan manuskrip tetapi menggunakan sumber yang dicetak dan diterbitkan sebagai sumber primer. Sebagai contoh, Anthony Milner di dalam karyanya *The Invention of Politics of Colonial Malaya* menggunakan *Hikayat Abdullah* dan *Undang-undang Melaka* yang disunting dan diterbitkan sebagai salah satu sumber rujukan.¹⁴ Begitu juga sejarawan pemikiran Quentin Skinner banyak dalam pengkajiannya menggunakan diari dan surat-surat penulis era Renaisans yang disunting dan dicetak pada abad ke 20.¹⁵ Ini menunjukkan dari sudut pengamalan para sejarawan, versi cetakan sesebuah manuskrip masih dianggap sebagai sumber primer. Walaubagaimanapun kalau diperhalusi lagi isu ini, kita akan dapati bahawa dalam beberapa hal kelangsungan isi semata-mata tidak boleh dianggap sebagai kelangsungan status primer sesuatu bahan.

Mungkin bagi sesetengah bidang sejarah, seperti sejarah idea, apa yang penting adalah isi manuskrip yang terkandung di dalamnya pemikiran sang penulis. Tetapi bagaimana dengan bidang sejarah yang berurusan dengan sisi material sesebuah artifak budaya seperti manuskrip. Contohnya persoalan boleh dibangkitkan tentang bentuk manuskrip, serta kaedah dan gaya persembahan di dalamnya. Dalam konteks persoalan ini kelangsungan isi yang ada pada versi cetakan tidak memadai dan tidak boleh dianggap primer, kerana ianya tidak mampu untuk memberi jawapan kepada soalan yang ditanya. Bentuk serta gaya persembahan yang asal tidak lagi hadir dalam versi cetakan. Sebagai contoh, di dalam naskhah-naskhah asal *Tuhfat Al-Nafis* penulisan tidak dibahagikan kepada perenggan. Tetapi didalam versi cetakan yang disunting oleh Virginia Mattheson, penulisan dibahagikan kepada perenggan untuk memudahkan pembaca moden. Dalam kes ini jika persoalan yang ditanya berkait dengan bentuk dan gaya persembahan asal *Tuhfat Al-Nafis*, maka versi cetakan tidak boleh digunakan sebagai sumber primer. Oleh itu saya berpandangan kriteria penentuan sumber primer yang digunakan oleh Yale tidak memadai kerana cakupan persoalan sejarah itu luas dan tidak semuanya boleh dijawab dengan hanya merujuk kepada isi sesebuah teks. Maka ini menunjukkan, sepertimana yang ditekankan sebelum ini, persoalan yang ditanyalah yang akan menentukan sesuatu bahan itu boleh dianggap primer, sekunder atau tidak relevan.

Kefahaman sebegini penting kerana ia akan membolehkan pelajar berfikir dengan lebih kreatif dan fleksibel tentang sumber apakah yang boleh digunakan bagi menjawab sesuatu persoalan sejarah. Kita bukannya mahu pelajar menghafal bahan yang berbentuk bagaimanakah primer dan sekunder. Tetapi kita mahu mereka berfikir dan menilai tentang material apakah yang boleh membantu mereka menjawab sesuatu persoalan tentang masa lalu. Dan kerana masa lalu itu sangat luas dan kompleks maka berbagai persoalan boleh dibangkitkan tentangnya dan berbagai jenis bahan dan artifak berpotensi digunakan sebagai sumber. Sebaik-baiknya kemahiran berfikir historis ini adalah sesuatu yang pelajar boleh aplikasikan di dalam kehidupan harian mereka dengan memerhatikan dunia di sekeliling mereka. Tetapi contoh sumber primer yang diberikan di dalam buku teks tidak membantu perkembangan ini kerana bahan-bahan tersebut seperti manuskrip dan artifak purba sangat asing dari dunia kehidupan pelajar masani. Definisi artifak juga sangat terhad, merujuk

¹⁴ Anthony Milner, *The Invention of Politics in Colonial Malaya* (Cambridge: Cambridge University Press, 2002), 28-29.

¹⁵ Quentin Skinner, *The Foundations of Modern Political Thought* (Cambridge: Cambridge University Press, 1978), 266-270.

kepada “ciptaan manusia” yang hanya “digunakan untuk perburuan, pertanian, dan perdagangan”.¹⁶ Isunya betulkah artifak hanya digunakan di dalam 3 aktiviti ini? Penumpuan kepada tiga aktiviti yang menjadi sebahagian kehidupan masyarakat purba ini seolah-olah menunjukkan yang artifak semestinya bahan yang tersangat kuno dan asing dari kehidupan semasa.

Ini tidak selari dengan maksud artifak dari sudut bahasa, dan pengamalan para sejarawan yang ternyata lebih luas. Contohnya peti televisyen lama, dan telefon lama juga adalah artifak walaupun tidak semestinya digunakan di dalam perburuan, perdagangan dan pertanian. Apa yang perlu ditekankan kepada pelajar adalah apa saja objek buatan manusia samada buku, telefon bimbit, peta etc, adalah artifak dan berpotensi menjadi sumber primer selagi mana ia mampu memberi jawapan tentang sesuatu persoalan berkenaan masa lalu, khususnya zaman di mana ianya dicipta. Penguasaan konsep sumber primer, saya percaya, berkait dengan, kemahiran berfikir historis. Dan kemahiran ini boleh diasah jika kita sebagai permulaan menggunakan bahan-bahan yang dekat dengan kehidupan harian pelajar-pelajar. Kalau kita betul-betul inginkan pelajar menguasai konsep sumber sejarah, tidak perlu kita menggunakan contoh-contoh yang berkait dengan peristiwa-peristiwa yang besar dan jauh dari jangkauan imaginasi mereka. Banyak contoh-contoh di dalam buku teks berkait dengan peristiwa-peristiwa sejarah diperingkat kenegaraan dan ketamadunan yang mungkin sukar dibayangi oleh kebanyakan pelajar tingkatan satu. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya diperbanyakkan contoh-contoh yang lebih dekat dan relevan dengan alam kehidupan mereka, seperti perkara-perkara yang berlaku di peringkat keluarga atau masyarakat sekeliling. Contohnya mungkin kita boleh mengajak pelajar berfikir tentang apakah sumber primer yang boleh dipakai jika ingin mengetahui bagaimana masyarakat melayu menyambut hari raya pada dekad 80an dan 90an. Apa yang penting di sini adalah penguasaan konsep sumber bukan penguasaan fakta sejarah itu sendiri.

Konsep jejak/tinggalan (*trace*) sebagai alternatif kepada konsep sumber

Perbincangan diatas berasaskan andaian bahawa konsep sumber primer adalah konsep yang tidak bermasalah, dan masih boleh digunakan didalam pengajaran tentang metodologi sejarah. Secara umumnya memang wacana pengkajian sejarah masih melaungkan kepentingan sumber primer dan menganggapnya sebagai sumber terpenting di dalam penyelidikan. Walaubagaimanapun kebelakangan ini ada suara-suara baru yang menganjurkan penilaian semula kefahaman yang sedia ada tentang sifat bahan-bahan sejarah serta kecenderungan kita untuk menganggapnya sebagai sumber (*source*). Ini kerana ada beberapa kelemahan yang ada dengan konsep sumber itu sendiri. Apabila sejarawan membincangkan tentang sumber, ada kecenderungan dikalangan mereka untuk menganggapnya sebagai sebuah **penyaksian** atau **laporan** tentang sesuatu **peristiwa**. Kata Muhd Yusof Ibrahim, sesuatu bahan itu menjadi sumber primer kerana ianya merupakan “sumber yang pertama sekali yang mencatatkan sesuatu peristiwa yang berlaku itu.”¹⁷ Selari dengan pandangan ini, Arba’iyah Mohd Noor menyatakan sesuatu bahan dianggap sumber

¹⁶ Mohd bin Samsudin, Azharuddin bin Mohamed Dali, Sharifah Afidah bt. Syed Hamid, *Sejarah Tingkatan Satu* (Kuala Lumpur: DBP, 2016), 8.

¹⁷ Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, dan Kaedah* (Kuala Lumpur: DBP, 1997), 156.

primer “disebabkan keadaannya sendiri yang merupakan sumber yang pertama mencatat sesuatu peristiwa yang berlaku.”¹⁸ Begitu juga bagi Ishak Saat, yang berpandangan sumber primer penting kerana ianya “mengesahkan cerita sebenar atau menggambarkan sesuatu peristiwa itu sebagaimana ia berlaku.”¹⁹

Di sini sumber disamakan dengan catatan tentang peristiwa. Mungkin ada yang menganggap sejarah adalah tidak lebih dari sekadar pengkisahan tentang sesuatu peristiwa. Dan memang tidak dinafikan peristiwa adalah salah satu fokus dalam pengkajian sejarah. Tetapi harus ditekankan juga apabila diambil kira kepelbagaian bidang dan pendekatan dalam disiplin sejarah, peristiwa bukanlah satu-satunya unit pengkajian. Bagi bidang-bidang seperti sejarah budaya, sejarah pemikiran dan sejarah sosial, peristiwa biasanya tidak menjadi unit pengkajian utama. Sebagai contoh, sejarah budaya biasanya mengkaji sikap, mentaliti, atau nilai sesuatu masyarakat pada sesuatu masa; manakala sejarah pemikiran pula menyelidiki faham-faham yang dibangunkan oleh ahli falsafah atau pemikir pada zaman tertentu; dan sejarah sosial boleh saja menumpu kepada persoalan tentang struktur atau stratifikasi sosial. Dalam erti kata lain bagi bidang-bidang ini peristiwa bukanlah tumpuan utama mereka. Dan memang ada aliran pensejarahan berpengaruh seperti *Annales* dari Perancis yang bertegas bahawa fokus kajian sejarah sepatutnya bukan peristiwa, tetapi struktur dan mentaliti masyarakat.²⁰

Saya percaya sejarawan secara umumnya tahu dari sudut amali bukan semua sumber primer yang dipakai adalah laporan atau catatan tentang peristiwa walaupun kadang-kadang dalam wacana tentang metodologi aspek inilah yang sering ditekankan. Kata Peter Seixas, walaupun memang ada sumber primer yang dihasilkan dengan tujuan untuk meriwayatkan sesuatu peristiwa kepada generasi terkemudian tetapi kebanyakan yang wujud adalah bahan-bahan yang digunakan didalam aktiviti-aktiviti kehidupan seharian.²¹ Sebagai contoh tiket keretapi yang boleh menjadi sumber primer kepada sejarawan yang mengkaji migrasi dalaman masyarakat sesebuah negara, walaupun bahan tersebut hakikatnya bukanlah dihasilkan untuk melaporkan tentang fenomena tersebut tetapi hanyalah sebahagian dari bahan seharian yang membolehkan sistem pengangkutan berfungsi dengan lancar. Begitu juga dengan rekod jualan kuih yang mungkin boleh menjadi sumber berguna kepada sejarawan budaya yang ingin melihat perubahan nilai yang tercermin melalui penamaan kuih muih walaupun penghasilannya tidak lebih dari tatacara biasa di dalam pengurusan perniagaan.

Sumber jenis ini berbeza dengan sumber yang berbentuk testimoni atau laporan tentang sesuatu peristiwa kerana tujuan ia dihasilkan tidak selari dengan tujuan kajian atau soalan penyelidikan sejarawan yang menggunakannya. Sebagai contoh sejarawan yang mengkaji peristiwa seperti sebuah demonstrasi jalanan, boleh menggunakan laporan rasmi pihak berkuasa, laporan pihak penganjur demonstrasi atau laporan akhbar sebagai sumber. Sumber-sumber ini selari dengan persoalan yang ditanya sejarawan terbabit kerana ianya

¹⁸ Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan* (Kuala Lumpur: DBP, 2006), 51.

¹⁹ Ishak Saat, *Penulisan Sejarah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2010), 8.

²⁰ Peter Burke, *The French Historical Revolution: the Annales School, 1929-1989* (Cambridge: Polity Press, 1990), 34-35.

²¹ Peter Seixas, “Translation and its Discontents: Key Concepts in German and English History Education”, *Journal of Curriculum Studies* (2015), 6.

seolah-olah dihasilkan untuk secara langsung menjawab pertanyaan penyelidik tentang kejadian terbabit. Ini berbeza dengan bahan-bahan sejarah seperti tiket keretapi dan rekod jualan kuih yang disebut diatas kerana tujuan penghasilannya tidak selari dengan tujuan kajian sejarawan terbabit.

Perbezaan ini menyebabkan kaedah kritikan sumber bagi dua jenis bahan ini juga berbeza. Yang paling ketara adalah tentang isu penilaian sumber yang berat sebelah, memihak atau *bias*. Kita biasanya menganggap adalah penting bagi seseorang sejarawan memastikan samada sesuatu sumber itu bias atau tidak. Walaubagaimanapun harus ditekankan di sini yang persoalan *bias* atau tidak hanya relevan apabila kita berinteraksi dengan sumber yang bersifat testimoni atau laporan peristiwa, dan tidak boleh dibangkitkan ketika kita menilai bahan yang dihasilkan dalam konteks aktiviti harian. Seperti kata Seixas, “reliability is only an appropriate criterion for historical sources when the source’s author is addressing the same question that the historian is trying to answer.”²² Jadi sudah tentu pelik jika kita bertanya samada tiket keretapi ini *bias* atau tidak.

Tetapi penulis seperti Seixas dan beberapa yang lain mengakui yang isu yang lebih mendasar adalah istilah sumber sendiri yang agak sempit dan cenderung dikaitkan dengan bahan-bahan yang berbentuk testimoni/penyaksian dan laporan tentang sesuatu peristiwa. Maka mereka mencadangkan konsep yang lebih umum iaitu jejak atau tinggalan (*trace*). Jejak menunjukkan kita kepada sesuatu yang kadang-kadang sang peninggal jejak sendiri tidak tahu atau tidak sedar. Ibarat kesan lipatan, coretan dan *highlighter* pada beberapa mukasurat sebuah buku yang mungkin menandakan pembacaan yang aktif, pantas, dan kritis; walaupun bagi sang pembaca semua itu hanyalah hasilan daripada aktiviti membacanya. Penulis, Alan Megill, dengan jelas membahagikan bahan-bahan sejarah kepada dua jenis, jejak dan sumber. Definisi jejak dan sumber yang diberikannya sangat membantu: “A trace is anything remaining from the past that was not made with the intention of revealing the past to us, but simply emerged as part of normal life. A source, on the other hand, is anything that was intended by its creator to stand as an account of events.”²³ Di Jerman perbahasan metodologi sejarah juga selari dengan kecenderungan untuk membahagikan bahan primer sejarah kepada dua bentuk ini. Rösen, sebagai contoh, bercakap tentang pembahagian bahan kepada *remains* dan *traditions* yang tidak jauh berbeza daripada apa yang Megill maksudkan sebagai *trace* dan *source*.²⁴ Jadi diharapkan para sejarawan dan mereka yang berminat dengan isu-isu pendidikan sejarah dapat memberi perhatian kepada perkembangan ini, dan semoga dengan cara ini kita dapat mempertingkatkan tahap wacana metodologi sejarah di Malaysia.

Rujukan

Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: DBP, 2006.

²² Seixas, 6.

²³ Allan Megill, *Historical Knowledge, Historical Error: a Contemporary Guide to Practice* (Chicago: The University of Chicago Press, 2007), 25-26.

²⁴ Rösen, 133-134.

- Andaya, Barbara W. dan Andaya, Leonard Y., *A History of Malaysia*. London: Macmillan, 1982.
- Barton, Keith C., "Sources in History: Breaking through the Myths", *The Phi Delta Kappan*, 86:10 (Jun., 2005), 745-753.
- Brundage A., *Going to Sources: a Guide to Historical Sources and Writing*. West Sussex: Wiley-Blackwell, 2013.
- Burke, Peter, *The French Historical Revolution: the Annales School, 1929-1989*. Cambridge: Polity Press, 1990.
- Chompston, Christine L., *A Teacher's Guide to Using Primary Sources*. New York: Oxford University Press, 2002.
- Febvre, Lucien. dan Martin, Henri-Jean, *The Coming of the Book: the Impact of Printing 1450-1800*. London: NLB, 1976.
- Finkelstein, David dan McCleery, Alistair, *An Introduction to Book History*. Routledge: New York, 2005.
- <http://primarysources.yale.edu/>.
- Ishak Saat, *Penulisan Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2010.
- Marius Richard, *A Short Guide to Writing about History*. New York: Longman, 1999.
- Marwick, Arthur, *The New Nature of History*. Chicago: Lyceum Books, 2001.
- Megill, Allan, *Historical Knowledge, Historical Error: a Contemporary Guide to Practice*. Chicago: The University of Chicago Press, 2007.
- Milner, Anthony, *The Invention of Politics in Colonial Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press, 2002.
- Mohd bin Samsudin, Azharuddin bin Mohamed Dali, Sharifah Afidah bt. Syed Hamid, *Sejarah Tingkatan Satu*. Kuala Lumpur: DBP, 2016.
- Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*. Kuala Lumpur: DBP, 1997.
- Rüsen, Jörn, *Evidence and Meaning: A Theory of Historical Studies*. Köln: Berghahn Books, 2017.
- Seixas, Peter, "Translation and its Discontents: Key Concepts in German and English History Education", *Journal of Curriculum Studies* (2015), 1-12.
- Skinner, Quentin, *The Foundations of Modern Political Thought*. Cambridge: Cambridge University Press, 1978.

- _____, *Liberty before Liberalism*. Cambridge: Cambridge University Press, 1998.
- Story, W.K., *Writing History: a Guide for Students*. New York: Oxford University Press, 2009.
- Tosh J. and Lang S., *The Pursuit of History*. Harlow: Pearson Education Limited, 2006.

Biodata

Mohd Helmi Mohd Sobri adalah pembantu profesor di Jabatan Sejarah dan Tamadun Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Memiliki ijazah B.HSc (History and Civilization) dan M.HSc (History and Civilization) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia serta PhD (History) dari King's College London.